



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

JURULATIH PENERBANGAN HELIKOPTER (KUMPULAN 3) JABATANARAH KEANGGOTAAN KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. JURULATIH PENERBANGAN HELIKOPTER
JABATANARAH KEANGGOTAAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KUMPULAN 3 (\$4,750 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i. Bekas Juruterbang Tentera dengan mempunyai sijil kelulusan Jurulatih Penerbangan Helikopter (*QHI*) yang mempunyai kelayakan Jurulatih sekurang-kurangnya kategori B atau sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Badan Eksekutif Penerbangan Tentera Udara Diraja Brunei.
 - ii. Mempunyai rekod jumlah masa penerbangan helikopter sekurang-kurangnya satu ribu lima ratus (1,500) jam dan jumlah masa penerbangan helikopter sebagai *Pilot-In-Command* sekurang-kurangnya satu ribu (1,000) jam.
 - iii. Mempunyai rekod jumlah masa mengajar waktu penerbangan (*Instructional Hours*) sekurang-kurangnya dua ratus lima puluh (250) jam dalam penerbangan pesawat helikopter.
 - iv. Pernah berkhidmat sebagai Jurulatih Penerbangan Helikopter (*QHI*) di Sekolah Latihan Penerbangan Tentera adalah satu kelebihan.
 - v. Mempunyai pengalaman dan mahir menggunakan pesawat *Bell 206B Jet Ranger* adalah satu kelebihan.
2. Bagi yang bukan dalam perkhidmatan Kerajaan, syarat kelayakan adalah seperti berikut :
 - i. Pemegang Lesen Juruterbang Pengangkutan Penerbangan United Kingdom (*Air Transport Pilot's Licence United Kingdom*) atau dari Pengguna-Pengguna Penerbangan Awam yang diiktiraf.
 - ii. Mempunyai rekod jumlah masa penerbangan sekurang-kurangnya satu ribu lima ratus (1,500) jam bagi pesawat Terbang dan sebagai *Pilot-In-Command* sekurang-kurangnya seribu (1,000) jam.



- iii. Jurulatih Penerbangan Helikopter yang diiktiraf dengan mempunyai kelayakan Jurulatih sekurang-kurangnya kategori B atau sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Badan Eksekutif Penerbangan Tentera Udara Diraja Brunei.
- iv. Pernah menjadi Jurulatih Penerbangan Helikopter di pusat penerbangan luar negara yang diiktiraf.
- v. Mempunyai rekod jumlah masa mengajar waktu penerbangan (*Instructional Hours*) sekurang-kurangnya tujuh ratus (700) jam dalam penerbangan pesawat helikopter.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:


- 1. Mengajar dan menyelia pelatih-pelatih juruterbang bagi latihan penerbangan asas helikopter menggunakan pesawat *Bell 206B Jet Ranger* di bawah perintah Pegawai Latihan Penerbangan Helikopter atau Pemerintah Skuadron No. 73 Skuadron / Sekolah Latihan Penerbangan;
- 2. Merancang dan menkoordinasikan kursus penerbangan helikopter bersama dengan Pegawai Memerintah dan Pegawai Latihan Penerbangan Helikopter No. 73 Skuadron / Sekolah Latihan Penerbangan;
- 3. Memerhati dan mengarah pelatih-pelatih Juruterbang Helikopter dalam latihan;
- 4. Bertanggungjawab bagi hal ehwal kebajikan pelatih-pelatih Juruterbang Helikopter mengikut sukanan pelajaran;
- 5. Menentukan latihan penerbangan berjalan mengikut perancangan yang telah ditetapkan;
- 6. Mengemaskinikan sukanan pelajaran latihan Penerbangan Helikopter jika perlu;
- 7. Melapor kepada Pegawai Memerintah dan Pegawai Latihan Penerbangan Helikopter mengenai dengan prestasi pelatih-pelatih Juruterbang Helikopter;



8. Melaksanakan tugas penerbangan yang bersangkut paut dengan acara istiadat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan negara; dan
9. Melaksanakan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Pegawai Memerintah dan Pegawai Latihan Penerbangan Helikopter No. 73 Skuadron / Sekolah Latihan Penerbangan.

KURSUS/LATIHAN

Jurulatih Helikopter adalah dikehendaki mengikuti kursus / latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.



MAKLUMAT PENTING

Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian I

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik (dokumen asli)** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply':

- Kad Pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf

- Sijil-sijil tertinggi/professional serta KELULUSAN TRANSKRIP sepetimana yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan pengesahan pengiktirafan kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

- Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalik kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



		Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
<input type="checkbox"/>		BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
		Field			
		BUSINESS ADMINISTRATION			
+ Add					

Pengesahan mengenai dua kertas kerja yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kertas Kerja.pdf
+ Add				

Memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.

Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat di atas telah dimuat naik sepanjang pengetahuan saya dan semua dokumen yang dikemukakan adalah salinan yang benar bagi dokumen asal. Apa-apa dokumen palsu, maklumat yang mengelirukan dan tidak lengkap akan menyebabkan permohonan saya ditolak.



My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee



	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	